From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 21 July, 2022 1:02:20 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: IPIZ Rintis Kerjasama Penyelidikan Dan Inovasi Dengan HDC

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 JULAI 2022 / 21 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Najmi Asyraf Mohd Zainuddin
Gambar oleh: IPIZ

IPIZ UUM RINTIS KERJASAMA PENYELIDIKAN DAN INOVASI DENGAN HDC



UUM ONLINE: Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima lawatan dari pihak Halal Development Corporation (HDC) bagi tujuan kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan dan konsultansi.

Perbincangan yang diketuai oleh Pengarah IPIZ, Prof. Madya Dr. Selamah Maamor adalah bersama Pengurus Kanan HDC, Mohd Zamulud Awang Kechick bagi merintis kerjasama dengan HDC dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Pada sesi perbincangan ini, Selamah telah berkongsi berkaitan Pelan Pembangunan Ekonomi Ummah yang dilaksanakan oleh IPIZ untuk mewujudkan kolaborasi strategik bersama HDC.

Beliau juga berkongsi pengalaman dan cabaran IPIZ dalam menguruskan geran penyelidikan dan perundingan IPIZ dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (IPIZ-LZNK) sejak IPIZ ditubuhkan pada 2018 sebagai panduan kepada HDC yang bakal menguruskan dana wakaf usahawan Perusahaan Kecil dan Sedarhana (PKS).

IPIZ juga merancang untuk berkolaborasi dengan HDC dalam bentuk penyelidikan dan inovasi untuk melihat keberkesanan dan juga pelaksanaan wakaf PKS tersebut kelak.

Selamah berkata, perbincangan tersebut merupakan perbincangan yang sangat menarik kerana banyak percambahan idea dan kata sepakat yang dicapai antara IPIZ dengan HDC.

Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih dan turut berbangga apabila HDC telah memilih IPIZ sebagai salah satu institusi rujukan bagi HDC untuk berkongsi dan mendapatkan idea bagi menjayakan Model Usahawan Wakaf PKS yang bakal dilancarkan tidak lama lagi.

“Saya berharap agar kolaborasi antara IPIZ dan HDC dapat diperkasakan lagi demi manfaat dan kebaikan kedua-dua belah pihak dan pembangunan ekonomi ummah,” katanya.

Manakala Mohd Zamulud telah menerangkan tentang Model Wakaf Usahawan untuk membantu usahawan PKS melalui pembiayaan berkonsepkan *‘Qard al-Hassan’* dengan kerjasama Bank Islam. Dana Wakaf Usahawan ini adalah pembiayaan berbentuk aset seperti mesin, peti sejuk dan lain-lain mengikut keperluan usahawan tersebut.

Selain itu, HDC juga turut menawarkan kepada IPIZ dan Institut Pengurusan Halal (IHM) bagi mendapatkan 20 orang usahawan Muslim yang berpotensi untuk diberikan dana wakaf usahawan PKS itu.

Mohd Zamulud berharap kerjasama antara kedua pihak ini dapat direalisasikan bagi mencapai agenda masing-masing, seterusnya memanfaatkan semua pihak terlibat.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.